



Penyebaran Hadis Palsu dalam Penerbitan di Malaysia dan Kesannya kepada Masyarakat

[Distribution of False Hadith in Publications in Malaysia and its Effect on Society]

Abur Hamdi Usman* & Mohd Norzi Nasir

Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Malaysia.

* Corresponding Author: Dr. Abur Hamdi Usman. Faculty of Islamic Civilisation Studies, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Kajang, Selangor, Malaysia. e-Mail: aburhamdi@kuis.edu.my, Telp.: 01119070551, ORCID iD: <https://orcid.org/0000-0001-5179-1648>

Keywords:

False Hadith; Publication; Malaysia; Society

ABSTRACT

In the history of Islam, the debate on false hadith (mawḍū‘) has taken place since the emergence of hadith forgers. Scholars have made efforts to preserve the hadith of the Prophet Muhammad (PBUH) throughout the ages until now. But the question of false hadith remains polemical when it is still found that synthetic stories spread in society through the publication of books, information from social media through the writings of some authors who still use arguments without stating the source and law of the hadith. This situation contributed to the spread of false hadith in society. This study is qualitative through data collection from hadith books and related journal articles. The study's findings show that although the spread of false hadith is seen to be controlled in the publication, it still has the potential to confuse the public and tarnish the purity of hadith. As modern social media has become an essential medium for disseminating information, most people are more likely to get information and thus, it is easy to share it. The implication is that society does not consider the status of hadiths, so practices that have no support from the Prophet (PBUH) are becoming more widespread. However, Islam emphasises the use of genuine arguments so that a proper presentation to the listener. References, revisions, and the use of an expression based on hadith in Malaysian publications must be examined. The source must be ascertained to ensure the validity of the information. Efforts to ensure zero false hadith in the society are not only focused on the medium of publication and social media only, but it includes disseminating information about the dangers of false hadith to the society so that the information that reaches them is a definite truth. This effort can keep the Muslim community from being included in the group and threatened with the retribution of hell in the future.

Kata Kunci:

Hadis Palsu; Penerbitan; Malaysia; Masyarakat

ABSTRAK

Dalam sejarah Islam perbincangan tentang hadis palsu (mawḍū‘) telah berlangsung sejak dari timbulnya pemalsu-pemalsu hadis. Usaha untuk menjaga hadis Rasulullah SAW telah dilakukan oleh para ulama sepanjang zaman sehingga kini. Namun persoalan tentang hadis palsu tetap menjadi polemik apabila masih didapati riwayat-

riwayat sintetik tersebar dalam masyarakat melalui penerbitan buku-buku, informasi dari media sosial melalui penulisan sebahagian penulis yang masih menggunakan dalil-dalil tanpa dinyatakan sumber dan hukum hadis tersebut. Situasi ini menyumbang kepada penyebaran hadis palsu dalam masyarakat. Kajian ini adalah kajian kualitatif melalui pengumpulan data daripada kitab-kitab hadis dan artikel jurnal yang berkaitan. Dapatan kajian menunjukkan meskipun penyebaran hadis palsu dilihat terkawal dalam penerbitan, namun ia tetap berpotensi mengelirukan masyarakat dan mencalarakan kesucian hadis. Ketika media sosial mutakhir ini menjadi medium penting sebaran maklumat, kebanyakan masyarakat lebih cenderung mendapatkan informasi sekali gus mudah untuk menyebarkannya. Implikasinya masyarakat tidak mengambil cakra berkaitan status sesuatu hadis sehingga amalan-amalan yang tiada sandaran daripada Rasulullah SAW semakin berleluasa. Walhal, Islam amat menitikberatkan penggunaan dalil-dalil yang sahih agar suatu penyampaian benar kepada pendengar. Rujukan, semakan dan penggunaan sesuatu ungkapan yang disandarkan kepada hadis dalam penerbitan di Malaysia perlu diteliti serta dipastikan sumbernya bagi menjamin keabsahan maklumat. Usaha untuk memastikan sifar hadis palsu dalam masyarakat tidak hanya tertumpu kepada medium penerbitan dan media sosial sahaja, tetapi ia merangkumi penyebaran maklumat tentang bahaya hadis palsu kepada masyarakat agar maklumat yang sampai kepada mereka adalah sebuah kebenaran yang pasti. Usaha ini dapat memelihara masyarakat Islam daripada termasuk dalam golongan yang diancam dengan balasan azab neraka kelak.

Received: November 15, 2021

Accepted: March 15, 2022

Online Published: June 30, 2022

1. Pendahuluan

The Autoriti hadis sebagai sumber kedua dalam syariat Islam selepas al-Quran telah disepakati segenap ulama. Keutamaannya dalam rujukan Islam telah ditekankan para fuqaha dalam kalangan sahabat Rasulullah SAW ketika menghuraikan makna ayat-ayat al-Quran agar selaras dengan maksud penerima wahyu itu sendiri. Lantaran itu, pengajian hadis mendapat perhatian utama dari para ulama dalam kerangka memelihara keaslian dan kefahaman hadis yang diriwayatkan dari satu generasi ke satu generasi. Bermula dari ketelitian para ulama hadis maka timbullah ilmu *dirāyah* dan *riwāyah* hadis sebagai disiplin dalam menulis, memahami dan menyebarkan hadis (al-Khaṭīb, 1998).

Sehubungan dengan itu, untuk mengamalkan ajaran Islam yang sempurna, umat Islam mesti berpedunkan hadis-hadis yang telah disahkan sahih oleh para ulama. Kegagalan berpegang kepada nas-nas hadis yang sahih akan mendedahkan umat Islam kepada kekeliruan dan penyelewengan nas hadis, seterusnya menyebabkan akidah seseorang sesat atau rosak dan terbatalnya syariat yang dipertanggungjawab.

Dalam konteks Malaysia, pengawalan terhadap penulisan teks al-Quran dalam penerbitan terletak di bawah tanggungjawab Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Akta Percetakan Teks Al-Quran 1986. Manamana penerbitan yang memuatkan ayat atau teks al-Quran yang jumlahnya mencapai satu juzuk, maka ia wajib disemak terlebih dahulu oleh Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan Al-Quran iaitu sebuah agensi di bawah KDN. Setelah diakui bebas dari sebarang kesilapan barulah ia dibenarkan untuk dicetak dan dipasarkan. Bagi karya-karya yang berbentuk tafsir kepada al-Quran pula ia perlu disemak dan dirujuk kepada JAKIM sebelum ia diterbitkan. Berbeza dengan teks hadis, tidak terdapat sebarang akta khusus bagi menjamin kesahihan penulisan teks hadis dalam hasil-hasil penerbitan. Ini bermakna semua penerbit dan penulis tidak mempunyai sebarang tekanan untuk menulis, mencetak, menerbit dan menyebarkan hadis. Walaupun hasil beberapa kajian peringkat Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah terhadap hadis dalam khutbah Jumaat, artikel, kitab-kitab

jawi dan lain-lain telah membuktikan bahawa terdapat kecuaiian dalam penggunaan hadis. Jenis-jenis kesalahan tersebut termasuklah menggunakan hadis palsu, kesilapan penterjemahan matan, pemotongan matan hadis yang tidak cermat serta menyandarkan hadis kepada sumber yang tidak tepat (Deraman 1998; Zainal Abidin, 2014).

Melalui perkembangan teknologi dalam penulisan dan percetakan, pelbagai hadis palsu (*mawḍūʿ*) didapati telah dimasukkan dalam penerbitan buku-buku bergenre Islam tanpa menafikan tujuan penulis tersebut (Ibrahim et al., 2016). Penerbitan buku-buku agama tanpa seliaan dan pemantauan isi kandungan dari pihak yang berautoriti memungkinkan hadis-hadis palsu diterima serta disebarkan dalam masyarakat. Hal ini amat serius kerana kata-kata yang didakwa sebagai hadis akan dijadikan sebagai pegangan dalam masyarakat. Pendedahan hadis-hadis palsu serta ciri-cirinya kepada umat Islam, khususnya orang-orang Melayu amat penting untuk memelihara akidah dan syariat Islam dari terpesong.

2. Takrif Hadis Palsu (*Mawḍūʿ*)

Dalam pengajian hadis, terminologi hadis palsu berasal dari Bahasa Arab, iaitu *al-mawḍūʿāt*. Konsep dan pengertian hadis *mawḍūʿ* telah diulas oleh para ulama hadis secara terperinci disebabkan pelbagai masalah yang timbul akibat pemalsuan hadis secara berleluasa. Penjelasan ini membantu masyarakat untuk mengenali ciri-ciri dan sifat hadis ini dengan lebih tepat. Perkataan *mawḍūʿ* berasal dari perkataan *al-waḍʿ*. Dari sudut bahasa ia bermaksud *al-ḥaṭ* (mengurangkan/merendahkan kedudukannya), *al-isqāt* (menjatuhkan kedudukannya), *al-ikhtilāq* (mencipta), *al-ilṣāq* (menyandarkannya) (al-Fayrūz Ābādī, 1935; Fāris, 2008).

Dari sudut istilah pula, hadis palsu adalah hadis-hadis yang dicipta, direka kemudiannya disandarkan kepada Nabi Muhammad SAW sama ada dengan sengaja atau tanpa sengaja. Antara lain, hadis palsu juga merangkumi setiap perkara yang dinisbahkan ke atas Nabi Muhammad SAW dan Baginda SAW tidak pernah menyabdakannya, melakukannya mahupun memperakukannya sama ada secara sengaja atau tersalah (Ibn ʿArrāq, 1981; al-Ṣalāḥ, 1966; al-Sakhāwī, 1968; al-Suyūṭī, 1959).

Sebahagian sarjana memberikan konsep yang berbeza dengan meletakkan hadis palsu khusus kepada yang disengajakan. Sedangkan hadis-hadis yang tidak disengajakan dinisbahkan kepada Nabi SAW secara salah, dinamakan sebagai *bāṭil* (al-Shawkānī, 1995). Begitu juga meletakkan istilah seperti *al-illah* (kecacatan), *al-idrāj* (tambahan luaran), *al-qalb* (pertukaran) kepada hadis-hadis yang disandarkan kepada Rasulullah SAW secara salah tetapi tidak dianggap sebagai *mawḍūʿ* meskipun ianya ditolak (Fallātah, 1981).

Selain itu, menurut istilah para imam hadis, *mawḍūʿ* bermaksud hadis yang direka-reka secara dusta ke atas Nabi Muhammad SAW atau ke atas para sahabat dan tabiin selepas Baginda SAW. Namun begitu, apabila istilah *mawḍūʿ* ini diaplikasikan secara umum, maka ia adalah hadis yang direka kemudian dinisbahkan kepada Nabi SAW. Sedangkan *mawḍūʿ* ke atas selain Baginda SAW akan dihubungkan seperti orang mengatakan hadis *mawḍūʿ* ke atas Ibn ʿAbbās RA atau kepada Mujāhid RA. Untuk itu, hadis palsu dari sudut fakta dan nasnya terbahagi kepada dua jenis (Abū Shuhbah, 2003):

- i. Seseorang itu mereka-reka sendiri satu persatu susunan kata-kata kemudian disandarkan kepada Rasulullah SAW atau kepada sahabat atau tabiin.
- ii. Seseorang itu menggunakan sesuatu ucapan sahabat atau tabiin, *ḥukamāʾ*, ahli sufi atau apa yang diriwayatkan dalam *Isrāʾiliyyāt* kemudian menyandarkannya kepada Rasulullah SAW agar ia diangkat serta diterima. Contohnya pernyataan yang berasal daripada ucapan ʿAlī ibn Abī Ṭālib RA yang didakwa sebagai hadis seperti berikut:

أَحِبِّ حَبِيبِكَ هَوْنًا مَا ، عَسَى أَنْ يَكُونَ بَغِيضًا يَوْمًا مَا ، وَأَبْغِضْ بَغِيضَكَ هَوْنًا مَا ، عَسَى أَنْ يَكُونَ حَبِيبًا يَوْمًا مَا

Maksudnya:

“Cintailah orang yang engkau cintai seberapa ringan yang boleh kerana boleh jadi pada suatu hari nanti dia akan menjadi orang yang engkau benci, dan bencilah orang yang engkau benci seberapa ringan yang boleh kerana boleh jadi pada suatu hari nanti dia akan menjadi orang yang engkau cintai.”

Hakikatnya terdapat banyak hadis-hadis palsu yang dinyatakan dalam penerbitan di Malaysia baik berupa buku dan majalah yang telah disandarkan kepada Rasulullah SAW, sama ada secara sengaja mahupun

tersalah. Pemalsuan ini termasuklah dalam topik asal-usul penciptaan, tempat kembali, kisah-kisah umat terdahulu, perihal alam semesta dan riwayat-riwayat nabi.

3. Sumber Penyebaran Hadis dalam Masyarakat Menerusi Penerbitan

Disiplin pengajian hadis khususnya di Nusantara pada kurun 17 hingga 19 M tidak memberikan penekanan secara terperinci terhadap kitab-kitab koleksi hadis, seperti menggunakan kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* ataupun kitab *Ulūm al-Ḥadīth*. Sebaliknya disiplin ilmu Islam yang lain, seperti akidah, tafsir al-Quran, tasawuf dan feqah ibadat begitu berkembang dan diberi perhatian oleh para ulama Nusantara. Ini memungkinkan terbitnya karya-karya seperti *Sabīl al-Muhtadīn*, *Tarjumān al-Mustafīd*, *Kitāb al-Farā'id*, *Siyār al-Sālikīn*, *Hidāyah al-Sālikīn* dan lain-lain (Van Bruinessen, 1994). Namun demikian, hadis-hadis tetap disematkan dalam karya ulama Nusantara sebagai sumber pendalilan.

Sehubungan dengan itu, umat Islam di Tanah Melayu ataupun kini Malaysia menerima pendedahan mengenai hadis melalui (Shah, 2016):

- i. Kitab-kitab agama bahasa Arab yang ditulis oleh ulama Islam dan dibawa pulang oleh penuntut Nusantara untuk tujuan pengajaran. Kemudian kitab-kitab tersebut dijadikan sebagai rujukan bagi pengajian di pondok pengajian Islam/pesantren, siri kuliah tidak formal di surau dan madrasah hingga ke hari ini. Antara kitab yang kerap dijadikan bahan pengajaran adalah *Bulūgh al-Marām* karya Shihāb al-Dīn Abū al-Faḍl Aḥmad ibn 'Alī ibn Muḥammad atau Ibn Hajar al-'Asqalānī (1372-1449), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* karya Abū 'Abd Allāh Muḥammad ibn Ismā'īl ibn Ibrāhīm ibn al-Mughīrah ibn Bardizbah al-Ju'fī al-Bukhārī (810-870), *Matn al-Arba'īn al-Nawawīyyah*, *Riyāḍ al-Ṣālihīn* karya Abū Zakariyā Yaḥyā ibn Sharaf al-Nawawī (1233-1277), *Ta'līm al-Muta'alim* karya Syeikh al-Zarnūjī (w. 591/1195), dan banyak lagi (Baru, 2006; Kirin & Wan Zahari, 2021).
- ii. Kitab-kitab agama bahasa Arab yang diterjemahkan ke bahasa Melayu, seperti kitab *Riyāḍ al-Ṣālihīn* karya Imam al-Nawawī, *Tanbīh al-Ghāfilīn bi Aḥādīth Sayyid al-Anbiyā' wa al-Mursalin* karya Syeikh Abū al-Layth Nāṣir ibn Muḥammad al-Samarqandī (w. 373/983), *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ* karya Abū al-Faḍl 'Abd al-Raḥmān ibn Abī Bakr ibn Muḥammad Jalāl al-Dīn al-Khuḍayrī al-Suyūfī (1445-1505), dan lain-lain (Deraman, 1998).
- iii. Kitab-kitab agama karya ulama Nusantara. Peranan ulama tempatan dalam menyebarkan ilmu-ilmu Islam tidak dapat dinafikan. Walau bagaimanapun, di antara karya mereka terdapat hadis-hadis yang mempunyai riwayat yang *da'if* dan amat *da'if*. Malahan sebilangan hadis palsu turut dijumpai dan telah dikaji dan dimurnikan oleh sarjana hadis pada hari ini. Sebagai contoh dalam kitab *Hidāyah al-Sālikīn fī Sulūk Maslak al-Muttaqīn* karya Syeikh 'Abd al-Samad al-Falembani (1704-1789) daripada 241 buah hadis yang dikaji, kitab ini mengandungi 51 buah hadis (21.16%) yang tidak boleh dipakai sebagai hujah kerana termasuk dalam kategori *da'if jiddan* (sangat lemah), *mawḍū'* (palsu), dan tidak diketahui asalnya. (Sagir, 2015).
- iv. Majlis ilmu seperti ceramah, kelas tidak formal termasuk juga melalui khutbah Jumaat yang disampaikan oleh guru-guru agama dan imam-imam termasuk mereka yang bertauliah dan yang tidak bertauliah. Sebahagian mereka hanya merujuk kepada kitab-kitab bukan hadis ketika menukil hadis sebagai jalan mudah terutama yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu.
- v. Kelas formal di sekolah-sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Walaupun pendedahan terhadap ilmu hadis di peringkat ini dinilai menyeluruh dan merangkumi pelbagai bidang ilmu hadis, namun ia masih perlu dikemaskini, dinilai dan ditambah baik dari semasa ke semasa, kerana masih tidak meliputi kebanyakan tajuk-tajuk perbincangan hadis. Masih banyak buku hadis selain *kutub sittah* yang perlu diperkenalkan, malahan kitab *al-Rijāl* juga belum banyak didedahkan (Baru, 2006).
- vi. Teknologi maklumat menerusi media massa elektronik, seperti TV dan radio, dan media cetak seperti artikel dalam akhbar dan majalah. Fungsi teknologi maklumat sebagai perantara dan alat bantu dunia komunikasi maklumat dengan tabiat serta ciri-ciri khususnya dapat memberi kesan terhadap ilmu hadis serta perkembangannya sebagai suatu epistemologi yang berteraskan kebenaran dan kesahan maklumat. Merujuk kepada sejarah, ilmu hadis berkembang dari semasa ke semasa dan tersebar melalui jaringan komunikasi maklumat yang berbeza-beza serta relevan dengan teknologi bagi setiap zaman. Bermula

dari asas manual lisan dan diikuti dengan penulisan, perkongsian dan penyebaran maklumat tentang ilmu hadis kini menggunakan teknologi maklumat yang berasaskan dominasi aplikasi komputer (Itam, 2010). Kandungan hadis sedia ada dalam talian tersebut diperolehi daripada sumber yang berbeza. Oleh itu, mengubah dan mengada-adakan hadis yang sebenar adalah sangat berpotensi untuk dilaksanakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Justeru itu, pengesahan kandungan hadis yang tersedia dalam talian ini adalah tugas yang penting dan mencabar serta menjadi bidang kajian utama dalam Islam (Hakak et al., 2020).

- vii. Munculnya pelbagai syarikat penerbitan buku-buku agama yang bebas mencetak dan menerbitkan buku genre agama. Namun terdapat penerbitan buku agama tidak disemak isi kandungannya oleh pihak yang berautoriti serta pakar rujuk hadis. Sebagai contohnya penerbitan novel *Perempuan Nan Bercinta* karya Faisal Tehrani. Novel ini bertemakan feminisme, tetapi ia telah diharamkan oleh kerajaan Malaysia melalui Kementerian Dalam Negeri (KDN) kerana didakwa mengandungi unsur Syiah dan hadis palsu. Hasil kajian menunjukkan bahawa daripada 40 hadis yang terdapat dalam novel tersebut, dua daripadanya berstatus palsu. Hadis pertama tidak ditemui dalam mana-mana rujukan asli, manakala hadis kedua pula dihukumkan palsu berdasarkan status para perawinya. Kewujudan hadis palsu ini membuktikan bahawa dakwaan KDN adalah benar, dan pengharaman novel ini mempunyai kewajarannya (Amran, Sakat & Majid, 2015).

4. Punca Penyebaran Hadis Palsu dalam Masyarakat di Malaysia

Jika dahulu punca penyebaran hadis palsu disebabkan faktor politik, dogma, ataupun sebab peribadi (Abdul-Raof, 2013; Berg, 2013), namun kini ia terus rancak berkembang dan menggunakan medium yang lebih dinamik. Terdapat pelbagai faktor yang memungkinkan hadis palsu tersebar dengan mudah dalam masyarakat Islam di Malaysia. Antara sebabnya ialah (Shah, 2016):

- i. Keinginan untuk mendorong manusia melakukan kebaikan.

Terdapat golongan yang begitu ghairah mengajak masyarakat melakukan kebaikan dengan bersandarkan hadis yang tidak dipastikan kesahihannya ataupun merujuknya terlebih dahulu. Ini termasuk hadis mengenai kelebihan surah-surah dalam al-Quran, ibadat solat sempena hari tertentu seperti siang 'Asyura dan malamnya, malam pertama bulan Rejab, malam Nisfu Sya'ban, malam Aidil Fitri dan lain-lain. Di samping itu, terdapat hadis *mawḍū'* dicipta bagi mendorong mengerjakan taat dan zuhud, berakhlak mulia serta melazimi amalan terpuji. Abū 'Ismah Nūh Ibn Abū Maryam, Maysarah Ibn 'Abd Rabbih adalah antara susuk terlibat dalam penciptaan hadis *mawḍū'* mengenai kelebihan al-Quran (Abu Shuhbah, 1988).

Ini termasuklah hadis-hadis yang disebarkan menerusi kuliah agama tidak formal, kelas-kelas agama serta ceramah yang disampaikan di surau atau masjid. Meskipun tujuan mereka murni iaitu mengajak masyarakat melakukan kebaikan dan meninggalkan kemungkaran, namun menggunakan hadis yang amat lemah riwayatnya serta diragui statusnya bukanlah etika yang baik serta berlawanan dengan tujuan pensyariaan Islam. Hal ini membuktikan wujud kelemahan daripada pihak penyampai ilmu, iaitu penceramah dari sudut kepakaran dalam bidang ilmu hadis akan memberi kesan terhadap penggunaan dan pengambilan hadis yang berkemungkinan berstatus palsu. Ketidakarifan ini dikusutkan lagi dengan kekurangan ilmu berkaitan hadis dalam kalangan umat Islam mengakibatkan mereka mengambil hadis yang disampaikan secara terus tanpa menapis dan meneliti status hadis tersebut (Mohd Senin, 2020).

Sehubungan dengan itu, jika perawi hadis palsu menyampaikan hadis tersebut dalam keadaan dia tidak mengetahui kepalsuan hadis tersebut maka dihukum tidak berdosa. Termasuk juga tidak berdosa bagi perawi meskipun dianggap kurang berusaha dalam menjejaki kepastian status hadis tersebut kerana kejahilannya dan keraguan dengan apa yang dia riwayatkan (Fallātah, 1981). Bagi yang mengetahui kepalsuan hadis tersebut namun meriwayatkannya dengan motif menerangkan kepalsuannya, maka ia dibolehkan oleh para ulama sebagaimana karya-karya yang mengumpulkan koleksi hadis-hadis palsu. Berbanding dengan golongan yang tidak bertujuan untuk menjelaskannya atau mendedahkan hadis palsu itu. Bagi situasi ini para ulama menjelaskan haram meriwayatkannya kepada mereka yang mengetahui keadaannya sama ada dalam isu akidah, hukum hakam, kelebihan dan seumpamanya. Para ulama menganggap perawi hadis palsu sama dengan motif pemalsu hadis dari sudut dosa (al-Naisabūrī, 2000).

Dengan begitu, wajib bagi ulama hadis untuk tidak meriwayatkan sesuatu pun baik perkhawaran dan hadis batil. Sesiapa yang melakukannya akan mendapat dosa yang terang dan termasuk di kalangan pendusta sebagaimana ditegaskan oleh Rasulullah SAW (al-Sakhāwī, 1968). Imam al-Nawawī (2008) menerangkan:

“Haram meriwayatkan hadis palsu buat sesiapa yang maklum akan kepalsuannya atau lebih pada sangkaan kepalsuannya. Sesiapa yang meriwayatkan hadis yang dia mengetahuinya atau lebih berat sangkaannya akan kepalsuannya dan dia tidak menerangkan keadaan riwayatnya maka dia termasuk dalam ancaman ini.”

Sebelum itu, Imam al-Nawawī (2008) menjelaskan bahawa tiada pemisahan antara pengharaman dusta ke atas Nabi SAW dalam perkara hukum hakam dan dalam perkara yang tiada hukum hakam padanya seperti *targhīb wa al-tarhīb*, nasihat dan selainnya, keseluruhannya adalah haram serta termasuk sebesar-besar dosa dan seburuk-buruknya berdasarkan ijmak.

Tuntasnya, jumhur ulama daripada kalangan *salaf* dan *khalaf* menegaskan bahawa meriwayatkan hadis palsu tidak dibenarkan sama sekali dalam apa jua perkara, termasuklah keinginan untuk mendorong manusia melakukan kebaikan, melainkan dengan tujuan pencerahan bahawa itu adalah hadis palsu dan dusta. Pengharaman hadis palsu ini merangkumi perkara halal haram, kelebihan, motivasi dan ancaman, kisah-kisah mahupun sejarah (al-Ṣalāh, 1966; al-Suyūfī, 1996). Sesiapa yang didapati meriwayatkan hadis palsu tanpa menjelaskan kepalsuannya, maka dia akan kembali dengan menanggung dosa besar dan menempatkan dirinya dalam golongan para pendusta.

ii. Merujuk karangan atau kitab-kitab Jawi yang belum ditahqiq.

Berdasarkan pelbagai kajian *takhrīj* di peringkat sarjana dan kedoktoran, terdapat sejumlah besar hadis-hadis dalam kitab Jawi yang diragui kesahihannya, selain wujudnya hadis palsu. Keperluan kajian *takhrīj* terhadap hadis-hadis di dalam kitab Jawi bertujuan (Dakir, 2014):

- a) Mengenal pasti sumber rujukan bagi hadis-hadis yang terdapat dalam kitab Jawi.
- b) Memastikan taraf dan status hadis-hadis tersebut dari segi kesahihan dan kedaifannya. Apatah lagi melibatkan penghujahan dan pendalilan dalam aspek akidah serta pengambilan hukum yang sudah tentu tidak boleh bersandarkan kepada hadis yang amat *ḍa‘īf*.
- c) Wujudnya elemen-elemen yang jelas menunjukkan wujudnya hadis-hadis palsu, amat *ḍa‘īf* dan tiada asalnya (*lā aṣla lahu*) yang digunakan sebagai penguat dan dalil dalam kitab-kitab tersebut.
- d) Masih banyak kitab-kitab Jawi yang dijadikan bahan rujukan pengajaran terutamanya di pondok-pondok serta masjid-masjid di Malaysia.

Sebagai contoh kajian yang dilakukan terhadap kitab *al-Fawā'id al-Bahiyah fī al-Aḥādīth al-Nabawiyah* karya Nūr al-Dīn ibn ‘Alī al-Ranīrī (w. 1658). Berdasarkan hasil kajian didapati 410 hadis (51.6%) yang telah dikategorikan sebagai hadis *ṣaḥīḥ*. Manakala sebanyak 87 hadis (11%) dinilai sebagai hadis *ḥasan*. Adapun penggunaan hadis-hadis *ḍa‘īf* dan *mawḍū‘*, maka lebih dari 30% dari keseluruhan hadis yang dibawakan oleh al-Ranīrī adalah berstatus *ḍa‘īf* dan *mawḍū‘*. Dalam erti kata lain, sebanyak 235 hadis (29.5%) dinilai sebagai *ḍa‘īf* dan 26 hadis (3.2%) bertaraf *mawḍū‘*. Bahkan di dalam kitab ini juga, terdapat beberapa hadis yang tidak diketahui asalnya sehingga ia gagal dikenal pasti termasuk usaha pencarian melalui kitab hadis *ḍa‘īf* dan *mawḍū‘* (Suliaman, 2012).

iii. Meyakini setiap hadis yang dinyatakan dalam kitab-kitab hadis adalah bertaraf sahih.

Terdapat sesetengah pendakwah Islam merasakan setiap hadis yang wujud dalam kitab tafsir dan hadis adalah sahih. Pandangan ini menunjukkan bahawa kurangnya pengetahuan mereka mengenai kaedah penulisan ulama hadis dalam karya-karya mereka. Hakikatnya, terdapat sebahagian ulama sahaja mensyaratkan periwayatan hadis-hadis sahih dalam karya mereka, misalnya dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Ṣaḥīḥ Muslim*.

Selain itu, terdapat juga kitab tafsir dan hadis yang memuatkan koleksi hadis yang bertaraf amat *ḍa‘īf* dan palsu, antaranya ialah kitab tafsir *al-Tha‘labī (Al-Kashf wa al-Bayān ‘an tafsīr al-Qur’ān)* karya Abū Ishāq Aḥmad Ibn Muḥammad Ibn Ibrāhīm Al-Tha‘labī (w. 1035 M.), Tafsir *al-Kashshāf* karya Abū al-Qāsim Maḥmūd ibn ‘Umar al-Zamakhsharī (1075-1144), Tafsir *al-Nasafī* karya Najm al-Dīn Abū Ḥafṣ ‘Umar ibn Muḥammad al-Nasafī (1067-1142), Tafsir *al-Baidāwī* karya Nāṣir al-Dīn Abū al-Khair ‘Abdullah ibn ‘Umar al-Baidāwī (w. 1286), dan Tafsir *Abū Sa‘ūd* karya Abū Sa‘ūd Muḥammad ibn Muḥammad ibn Muṣṭafā (w. 982 H.) (Abū Shuhbah, 1988). Manakala kitab-kitab hadis pula termasuklah *Mustadrak al-Ḥākim* karya Abū ‘Abd-Allah Muḥammad ibn ‘Abd-Allah al-Ḥākim al-Nishapūrī (933-1014), *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah* karya Abū Bakr Muḥammad ibn Ishāq ibn Khuzaymah (837-923), *Ṣaḥīḥ Ibn Hibbān* karya Abū Ḥatim Muḥammad ibn Faiṣāl al-Tamīmī al-Darīmī al-Bustī (w. 965), dan kitab selainnya yang mengandungi hadis-hadis yang amat *ḍa‘īf*.



Mustadrak al-Hākim sebagai contohnya, sebuah koleksi yang mengumpulkan hadis-hadis sahih, tidak seharusnya mengandungi hadis-hadis palsu dan tidak berasas sehingga tidak boleh dijadikan sumber dan sandaran dalam agama. Walau bagaimanapun, akibat kelemahan dan keringanan al-Hākim, sejumlah hadis palsu telah dimuatkan di dalamnya, selain hadis-hadis *hasan*, lemah, terlalu lemah dan sebagainya. Menariknya, kebanyakan hadis palsu ini dilabelkan oleh al-Hākim sebagai sahih dan ada juga dihukumkan sebagai sahih berdasarkan syarat al-Bukhārī dan Muslim. Namun, berdasarkan komentar al-Dhahabī (1274-1348), Ibn al-Mulaqqīn (1323-1401) dan sebagainya yang mengulas *al-Mustadrak* secara khusus, ternyata bukan semua hadis tersebut sahih, bahkan sebilangan daripadanya juga dikategorikan sebagai hadis palsu atau dusta (Zarif, 2011).

Daripada 135 hadis palsu yang didapati dalam *al-Mustadrak*, sebahagian besar daripadanya iaitu kira-kira 66 buah hadis adalah berkaitan fadilat, sejarah dan kelebihan Sahabat RA. Daripada jumlah ini pula, 24 daripadanya merupakan hadis mengenai kelebihan ‘Alī ibn Abū Ṭālib RA yang dikumpulkan dalam fasal yang khusus. Krisis kepimpinan umat Islam selepas Rasulullah SAW telah menyebabkan sebahagian penyokong fanatik kumpulan tertentu seperti Syiah dan sebagainya mengeksploitasi dan mengagung-agungkan tokoh tertentu menerusi penyebaran hadis-hadis palsu sebagai simbol legitimasi serta kuasa politik dan agama. Jika hadis-hadis ini dicampurkan dengan hadis berkaitan sejarah para nabi, ia mencapai 89 buah hadis atau 66% daripada jumlah keseluruhan hadis palsu yang terkandung dalam buku ini. Selebihnya pula merangkumi pelbagai aspek berkaitan agama seperti fiqh dan hukum hakam, kelebihan dan tafsiran al-Quran, adab, nasihat, perubatan serta kekacauan dan huru hara (Zarif, 2011).

iv. Bersangka baik dengan hadis yang diriwayatkan dalam karya-karya ilmuwan Islam

Bersikap sangka baik dengan keilmuan dan karya ulama antara bentuk penghormatan dan pemuliaan masyarakat Melayu kepada mereka. Sikap mulia ini begitu sinonim dengan masyarakat Melayu terhadap golongan ulama. Ini selari dengan pengiktirafan Allah SWT terhadap orang berilmu yang memiliki kedudukan tinggi di sisi Allah SWT. Bagaimanapun para ilmuwan adalah manusia yang tetap terdedah kepada kesalahan dan kesilapan baik disengajakan ataupun tidak disengajakan.

Sebagai contohnya, usaha takhrij dan analisis yang dijalankan terhadap kitab *al-Durr al-Thamīn* karya Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani dinyatakan bahawa jumlah keseluruhan hadis dalam kitab tersebut adalah 82 hadis. Namun, hanya 66 hadis sahaja berhasil ditakhrijkan. Manakala 16 hadis lainnya merupakan hadis-hadis yang tidak diketahui tarafnya. Antara faktor utama ianya tidak diketahui adalah disebabkan tidak terdapat sebarang riwayat atau sumber yang menyatakan hadis tersebut dan tiada ulasan ulama terhadap hadis itu. Berdasarkan analisis terhadap 82 hadis dalam kitab ini, didapati 49 hadis *ṣahīh*, 2 hadis *hasan*, 12 hadis *da‘īf*, 3 hadis *mawḍū‘* dan 16 hadis tidak diketahui tarafnya (Suliaman, 2012).

Untuk itu masyarakat Islam sewajarnya mengamalkan sikap ingin tahu mengenai kebenaran dan kesahihan setiap sudut ilmu yang disampaikan oleh ilmuwan. Antara lain, cara yang praktikal adalah dengan bertanyakan sumber rujukan bagi setiap hadis yang disampaikan kepada pakar hadis. Selepas mengetahui sumber rujukan, tanyalah tentang pandangan ulama mengenai darjat dan status hadis tersebut. Melalui kaedah ini, para ilmuwan dan pendakwah Islam akan sentiasa berwaspada dan berhati-berhati dengan dalil-dalil yang mereka sampaikan. Bahkan mereka akan sentiasa membuat kajian sebelum mengajarkan sesebuah hadis kepada para hadirin.

v. Pengetahuan terhad mengenai ilmu hadis secara umum dan *takhrij* secara khusus.

Tidak semua ilmuwan Islam memiliki kepakaran dalam ilmu hadis khasnya ilmu *takhrij*. Sekiranya mereka memiliki pengetahuan dan kemahiran dalam *takhrij* hadis, sudah tentu setiap hadis yang ingin dinukilkan dalam karya mereka akan ditapis serta diteliti terlebih dahulu. Tambahan pula pengajian ilmu hadis secara mendalam hanya terhad di peringkat kolej dan universiti, menyebabkan masyarakat tidak terdedah dengan kaedah mengenal pasti hadis palsu. Malahan pergantungan masyarakat awam kepada buku-buku agama yang bukan dikategorikan sebagai kitab hadis sebagai bahan bacaan asasi dalam memahami agama terus mengalami lonjakan. Dalam situasi ini, terjemahan buku agama serta tulisan penulis tempatan begitu mendapat perhatian. Begitu juga dengan taburan hadis dalam teks-teks khutbah Jumaat di peringkat Negeri.

Teks-teks khutbah Jumaat oleh Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK) dari tahun 1995 hingga 2000 misalnya, berdasarkan dapatan kajian terhadap 215 hadis didapati 13 buah hadis palsu dan 6 buah hadis tidak diketahui tarafnya. Manakala teks-teks khutbah Jumaat yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) pula pada tahun 2000 dan 2001, daripada 14 hadis yang ditakhrij didapati 2 buah hadis palsu dan 6 buah hadis tidak diketahui tarafnya (Suliaman, 2012).

- vi. Terlalu bergantung dan meletakkan rujukan utama kepada hadis-hadis yang terdapat dalam kitab-kitab yang masih dalam kajian.

Contoh terbaik dalam perkara ini ialah kitab *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* karya Abū Ḥāmid Muḥammad ibn Muḥammad al-Ghazālī (1058-1111). Kitab ini menjadi rujukan penting sama ada dari kalangan akademik mahupun masyarakat awam khususnya menyentuh prinsip-prinsip tasawuf. Kajian yang dilakukan terhadap *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* berpandukan *takhrīj* dan penilaian oleh 'Abd al-Raḥīm ibn al-Ḥusayn ibn 'Abd al-Raḥmān al-'Irāqī (725-806 H) mendapati wujudnya hadis yang berstatus *mawḍū'* dan hadis yang dikritik tarafnya (Dakir, 2014). Antaranya ditunjukkan oleh Gambar 1 berikut:

Lafaz/Nilai	Terjemahannya
لم أجده	Aku tidak menemuinya
لم أجده له أصلاً	Aku tidak menemui asal baginya
لم أجده أصلاً وهو باطل	Aku tidak menemui asalnya dan ia <i>batil</i>
لم أقف عليه	Aku tidak menemuinya
لم أقف له على أصل	Aku tidak menemui asalnya
لم أجده هكذا	Aku tidak menemui seperti ini
لم أجده مرفوعاً	Aku tidak menemui hadith in secara <i>marfu'</i>
لم أجده بهذا اللفظ	Aku tidak menemui hadith ini dengan lafaz ini
لم أظفر به هكذا	Aku tidak jelas lafaz seperti ini
ليس له أصل	Tiada asalnya
ليس له أصل ولم يصح	Tiada baginya asal dan tidak sah
باطل لا أصل له	Batil dan tiada asalnya
أخرجه أبو نعيم وابن الجوزي في الموضوعات	Diriwayatkan oleh Abu Nu'aym dan Ibn al-Jauzi dalam kitab <i>al-Mawdu'at</i>
أخرجه أبو نعيم في الحلية وابن الجوزي في الموضوعات	Diriwayatkan oleh Abu Nu'aym dalam <i>al-Hilyah</i> dan Ibn al-Jauzi dalam <i>al-Mawdu'at</i>
ذكره ابن الجوزي في الموضوعات	Dinyatakan oleh Ibn al-Jauzi dalam <i>al-Mawdu'at</i>

Gambar 1: Kualiti hadis dalam kitab *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*

Daripada keseluruhan hadis dalam kitab *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*, terdapat 265 hadis yang diklasifikasikan oleh al-'Irāqī sebagai hadis *mawḍū'* atau hadis yang dipertikai dan diberikan hukum sebagaimana dilampirkan dalam jadual di atas. Kualiti hadis seperti ini boleh didapati hampir dalam setiap bab dalam *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* yang meliputi persoalan tentang akidah, ibadat, akhlak, hukum, dan lain-lain (Dakir, 2014).

Walaupun kedengaran kontroversi, ini bukan kali pertama *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* dikritik. Dalam sebuah kitab yang mengumpulkan *takhrīj* terhadap hadis-hadis dalam *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* oleh al-'Irāqī, Ibn Subkī (726-771 H) dan al-Murtaḍā al-Ḥusaynī al-Zabīdī (1732-1790), Al-Ḥaddād (1987) menyatakan bahawa *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* memiliki keaiban yang besar di mana di dalamnya terkumpul hadis-hadis lemah dan meragukan. Lalu al-'Irāqī mentakhrījkan hadis-hadis tersebut bagi membolehkan umat Islam mengambil manfaat dan membacanya (Ariffin & Ahmad, 2016).

Sehubungan dengan itu, masyarakat dinasihatkan kepada sesiapa yang ingin membaca *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* agar tidak berpegang dengan hadis-hadis yang disebutkan kecuali setelah melihat *takhrīj* al-'Irāqī. Jika tidak dikhuatiri terjatuh dalam dosa berdusta secara tidak sedar (Abū Shuhbah, 1988). Bahkan diperakui sendiri oleh al-Ghazālī dengan katanya ('Abd al-'Azīm, t.th.):



Maksudnya:

“Pengetahuanku dalam hadis amat cetek.”

- vii. Keterbatasan ruangan semak rujuk hadis secara pantas dan mudah difahami.

Dalam situasi di Malaysia, terdapat dua golongan pasif apabila membicarakan mengenai hadis. Satu pihak didapati menolak hadis secara total dan bagi mereka hadis hanyalah rekaan orang terdahulu. Pihak kedua pula, menerima apa sahaja yang didakwa sebagai hadis secara membuta tuli. Apa sahaja yang didakwa sebagai hadis akan dihadam. Lebih membimbangkan, terdapat pelbagai jenis hadis palsu yang berlegar di internet dan ruangan sembang maya sejajar kemajuan teknologi semasa. Hadis tersebut kemudian disebarkan melalui *Facebook, Twitter, WhatsApp, YouTube* dan pelbagai lagi medium maya bahkan ramai yang terlibat dalam penyebaran hadis palsu. Turut meresahkan apabila hadis palsu dilihat sebatu dalam masyarakat dan sering diungkap dengan yakin, baik oleh orang yang tidak mempunyai kelayakan agama mahupun pendakwah di kaca TV dan radio. Oleh itu, penyebaran hadis palsu dalam kalangan masyarakat seolah-olah tidak berpenghujung (Usman & Wazir, 2018).

Hadis palsu bukanlah isu baru dan bukan juga tidak pernah dijelaskan kepada masyarakat, akan tetapi kadangkala disebabkan keterbatasan pendedahan dan penjelasan yang dapat dijadikan rujukan secara pantas dan mudah difahami. Ditambah pula dengan kurangnya kesedaran agar berwaspada dalam menyandarkan sesuatu perkara kepada Nabi SAW, sehingga usaha penjelasan dan pembaikan dianggap menyalahi keyakinan yang dipegang masyarakat di Malaysia sekian lama (Ariffin & Ahmad, 2016).

Sehubungan dengan itu, kriteria dalam pembangunan *website* hadis dan *software* hadis sewajarnya diberikan perhatian yang serius bagi semua organisasi atau individu yang mahu membangunkan sesuatu laman sesawang atau perisian yang berkaitan dengan hadis. Tambahan lagi, jika laman sesawang atau perisian tersebut memfokuskan hadis sebagai subjek utama yang dipaparkan. Apabila dikemukakan pertanyaan tentang laman sesawang yang boleh menjadi rujukan hadis dari sudut sumber hadis, maklumat hadis, terjemahan dan teks hadis yang khususnya dalam edisi hadis yang disertakan terjemahan bahasa Malaysia, pasti jawapannya adalah tidak ada mana-mana laman sesawang yang boleh bertindak sebagai sumber dalam bidang hadis (Ahmad, Suliaman, Ahmad Shah, & Mohd Rokhibi, 2019).

Oleh yang demikian, usaha pembangunan web hadis di Malaysia perlu lebih giat dijalankan bagi memudahkan masyarakat mengenal pasti sumber hadis, kualiti hadis dan seumpamanya. Tetapi, pembangunan sesebuah web hadis mestilah menepati standard prosedur pembangunan web bagi melancarkan proses aktiviti sesebuah web hadis. Pembangunan laman web hadis memerlukan kepada pakar dari pelbagai aspek bagi menjadikan sesebuah web hadis itu efektif dan mudah dikendalikan. Antara aspek yang perlu diberikan penekanan dalam pembangunan sesebuah web atau laman sesawang adalah penerbit yang merujuk kepada individu atau institusi yang bertanggungjawab terhadap web tersebut, pakar bidang yang merujuk kepada individu atau badan yang mengesahkan kebenaran dan autoriti kandungan laman sesawang itu, penulis skrip yang merujuk kepada individu atau sekumpulan individu yang menyediakan kandungan, pereka bentuk instruksi (*Instructional Designer*) merujuk kepada individu atau sekumpulan individu yang membangunkan laman sesawang tersebut, pereka grafik atau animasi yang merujuk kepada individu atau sekumpulan individu yang menyediakan dan memastikan paparan dalam laman web tersebut, dan pengaturcara yang merujuk kepada individu atau sekumpulan individu yang bertindak sebagai orang yang memuat naik dan mengawal laman sesawang tersebut (Ahmad et al., 2019).

Perkembangan teknologi dunia telah memberi satu ruang baharu dalam penyebaran ilmu pada masa kini. Justeru itu, pembangunan *website* hadis perlu lebih giat dijalankan agar tidak ketinggalan dalam mengecapi arus kemajuan tersebut. Maka, pihak-pihak daripada badan berautoriti seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Kementerian Dalam Negeri (KDN), Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan NGO Islam perlu melakukan kerjasama dengan Fakulti Pengajian Islam dan Fakulti Sains dan Teknologi Maklumat daripada IPTA dan IPTS di Malaysia. Perkara ini adalah untuk memastikan pembangunan *website* hadis di Malaysia terkawal dan mengikuti garis panduan yang tepat serta berkembang selari dengan ajaran Islam sebenar (Ahmad et al., 2019).



5. Keberadaan dan Contoh Hadis Palsu dalam Penerbitan di Malaysia

Menerusi penyelidikan terdapat hadis-hadis palsu dimuatkan dalam beberapa penerbitan seperti majalah dan buku-buku agama. Penyebaran hadis ini boleh diklasifikasikan kepada beberapa bahagian yang meliputi *targhīb* (motivasi) dan *tarhīb* (ancaman), kisah para Nabi, kisah para malaikat, kisah para sahabat dan seumpamanya.

5.1 Keberadaan Hadis Palsu dalam Penerbitan di Malaysia

Antaranya penerbitan dalam bentuk majalah (Dakir et al., 2009; Shah, 2016);

- a) Majalah Muslimah (Mei 2001)
- b) Majalah Anis (Mei 2002)
- c) Agama dan Falsafah (Jun 2003)
- d) Majalah Nur (November 2005)
- e) Majalah Cahaya (Feb 2006)

Manakala buku-buku agama bahasa Arab terjemahan Melayu yang mempunyai sejumlah hadis palsu, antaranya (Abdullah, 2005; Ahmad, 2007; Dakir, 2014; Mohd. Fadzil, 2014; Nawae, 2011; Zainal Abidin, 2014):

- a) Terjemahan *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* karya Abū Hāmid al-Ghazālī
- b) Terjemahan *Muhimmah* karya Syeikh Abdullah bin Abdul Rahim Fatani
- c) *Bughyah al-Ṭullab li Murīd Ma'rifah al-Aḥkām bi al-Ṣawāb* karya Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani (w. 1847 M.)
- d) *Hidāyah al-Sālikīn* karya Syeikh 'Abd al-Samad al-Falimbani (l. 1704 – w. M.)
- e) *al-Jawhar al-Mawhūb wa Munabbihat al-Qulūb* karya Syeikh 'Ali Ibn 'Abd al-Rahman al-Kelantani (l. 1820 – w. M)
- f) *Faḥ al-Mu'īn bi Sharḥ Qurrah al-'Ayn bi Muhimmat al-Dīn* karya Syeikh Zain al-Dīn ibn 'Abd al-'Azīz al-Malībārī (w. 987 H.)

Manakala buku-buku agama bacaan awam, antaranya (Mohd Senin, 2020):

- a) *Siri Bimbingan Jiwa: Pesonanya Perkahwinan*
- b) Terjemahan kitab *Hayatus Sahabah* (Kehidupan Para Sahabat) karangan Syeikh Muhammad Yusuf Kandhalawi
- c) *Penciptaan Jin & Syaitan – Serta Mengatasi Gangguannya*
- d) *Kelebihan Amalan Bulan Rejab, Sya'ban, Ramadhan*
- e) *Keajaiban Solat Wajib lima Waktu, Fadilat Dan Rahsia*
- f) *13 Keajaiban Amalan Surah-Surah Pilihan*
- g) *Rahsia Dan Khasiat Bismillah*
- h) *Rahsia Al-Fatihah*
- i) *Fadilat Membaca Selawat Nabi SAW*

Selain itu, dalam buku-buku motivasi pula didapati juga beberapa hadis yang dinukilkan yang perlu dilihat atau ditakhrīj semula untuk dipastikan statusnya agar dapat menambahkan kekuatan dan nilai karya, antaranya (Abdullah & Mohamed 2017):

- a) *21 Kaedah Mendidik Anak Cemerlang*
- b) *Rahsia Minda Hebat: Cerdaskan Minda dengan Panduan Praktikal (Tips Perkembangan Minda Sihat)*
- c) *Membina Imajinasi Cemerlang*

Kajian Mohd Senin (2020) pula mendapati keberadaan sejumlah hadis palsu di dalam kitab-kitab jawi terpilih, antaranya:

- a) *Risalah Fi Bayan Hukum al-Bai' Wa al-Riba'* karangan Syaykh Abdul Qadir Bin Abdul Rahim al-Fatani,
- b) *Sayr al-Salikin* karangan Syaykh 'Abd al-Samad al-Falimbani

- c) *Bughyah al-Tullab* karangan Syaykh Wan Daud Bin Wan Abdullah al-Fatani
- d) *Tafsir Marah Labid* karangan Syakh Nawawi al-Bantani
- e) *I'tiqad Orang yang Percaya Akan Quran Dengan Turun 'Isa 'Alaih al-Salam* karangan Syakh Abd. Qadir al-Mandili
- f) *Pembantu Sekalian Orang Islam Dengan Harus Membaca al-Quran dan Sampai Pahalanya Kepada Sekalian yang Mati* karangan Syakh Abd. Qadir al-Mandili

Jumlah penerbitan di atas sahaja sudah cukup menggambarkan bagaimana hadis-hadis palsu boleh tersebar dengan mudah dalam masyarakat menerusi penerbitan, khususnya buku-buku genre agama Islam. Kesedaran dan usaha untuk memurnikan semula hadis-hadis yang digunakan dalam majalah dan buku-buku agama ini memerlukan kerjasama dan kesediaan pihak berautoriti dan para pakar dalam pengajian hadis, demi memelihara kesucian hadis dan sunnah Rasulullah SAW.

5.2 Contoh Hadis Palsu dalam Penerbitan di Malaysia

Hadis-hadis yang dinukilkan berikut ini adalah merupakan beberapa contoh hadis palsu yang direkodkan dalam kitab terkenal dan digunakan secara meluas di kalangan ahli akademik mahupun masyarakat awam di Nusantara. Antaranya:

- i. Dalam kitab *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* berkaitan hadis perbualan/bersembang di dalam masjid:

الْحَدِيثُ فِي الْمَسْجِدِ يَأْكُلُ الْحَسَنَاتِ كَمَا تَأْكُلُ الْبَهَائِمُ الْحَشِيشَ

[Al-Ghazālī, t.th., 1/152]

Maksudnya:

“Percakapan dalam masjid akan memakan atau menghapus (pahala) kebaikan seperti binatang ternak yang memakan rumput”.

Hadis ini dinilai oleh Imam al-‘Irāqī dan al-Subkī *Rahimahullah* sebagai hadis palsu yang tidak ada asalnya dalam kitab-kitab hadis (al-Haddād, 1987).

- ii. Dalam kitab *Muhimmah* berkaitan hadis wanita yang keluar rumah tanpa meminta kebenaran daripada suaminya:

أما امرأة خرجت من غير أمر زوجها كانت في سخط الله حتى ترجع إلى بيتها أو يرضى عنها.

[‘Abdullah, 2012/8]

Maksudnya:

“Di mana-mana perempuan yang keluar ia daripada rumahnya dengan tiada izin suaminya adalah ia perempuan itu di dalam murka Allah Ta’ala hingga kembali ia kepada rumahnya atau hingga redha daripadanya oleh suaminya.”

Hukum hadis ini adalah palsu kerana terdapat perawi dusta iaitu Ibrāhīm ibn Hudbah yang dituduh sebagai *kadhhab* dan riwayat daripadanya adalah *munkar* (al-Baghdādī, 2001).

6. Kesan Penerimaan Hadis Palsu kepada Masyarakat

Majoriti ulama dari kalangan salaf atau khalaf telah sepakat menyatakan bahawa melakukan pendustaan terhadap Rasulullah SAW termasuk dalam kategori dosa besar. Mereka yang melakukan kegiatan ini tidak menjadi kufur melainkan melakukan pendustaan kepada Baginda SAW dalam sesuatu perkara yang mustahil.

Imam Abū Muḥammad al-Juwaynī (w. 438 H.), bapa kepada Imam al-Ḥaramain Ḍiyā' al-Dīn 'Abd al-Malik ibn Yūsuf al-Juwaynī al-Shāfi'ī (1028-1085 M.) menjatuhkan hukuman yang lebih keras kepada orang yang melakukan perbuatan ini, beliau berkata: *“Orang yang melakukan pendustaan terhadap Rasulullah SAW menjadi kufur.”* Pandangan ini diriwayatkan oleh anaknya sendiri, Imam al-Ḥaramain, dengan memberikan komentar: *Pendapat ini tidak didapati dalam kalangan ulama sezaman dengannya. Justeru ini adalah satu keberanian daripada bapa beliau* (Abū Shuhbah, 2003).

Pendapat al-Juwaynī diperakui juga oleh Imam Nāṣir al-Dīn ibn Muḥammad ibn al-Munīr al-Mālikī serta ulama-ulama lain dalam kalangan Mazhab Ḥanbalī. Imam al-Ḍhahabī juga bersetuju dengan mereka terhadap hukum melakukan pendustaan terhadap Nabi Muhammad SAW dengan sengaja dalam perkara halal dan haram. Barangkali yang menjadi dalil mereka adalah firman Allah SWT dalam Surah *al-Naḥl* [16] ayat 105 (Abū Shuhbah 2003);

﴿إِنَّمَا يَفْتَرِي الْكَذِبَ الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِالْآيَاتِ اللَّهِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْكَاذِبُونَ﴾

Maksudnya:

“Sebenarnya yang tergamak berdusta itu hanyalah orang-orang yang tidak beriman kepada ayat-ayat Allah dan mereka itu ialah orang-orang yang bertabiat berdusta”.

Ayat ini telah menolak keimanan daripada orang-orang yang melakukan pendustaan terhadap Allah SWT. Pendustaan terhadap Rasul bererti melakukan pendustaan terhadap Allah SWT. Allah SWT berfirman dalam Surah *al-Najm* [53] ayat 3-4:

﴿وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ ۗ إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ﴾

Maksudnya:

“Dan dia tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan agama Islam) menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri. Segala yang diperkatakannya itu (sama ada Al-Quran atau hadis) tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya.”

Hal ini selari dengan beberapa hadis Nabi SAW sendiri yang sahih, seperti:

عَنْ الْمُغِيرَةِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: إِنَّ كَذِبًا عَلَيَّ لَيْسَ كَكَذِبِ عَلَيَّ أَحَدٍ مِّنْ كَذَبِ عَلَيَّ مُتَعَدِّدًا فَلْيَتَّبِعُوا مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ.

[al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Janā'iz, Bāb ma yukriḥ min niyāḥah 'alā al-mayyit*, hadis no. 1229]

Maksudnya:

Daripada al-Mughīrah RA berkata; “Saya telah mendengar Nabi SAW bersabda; “Sesungguhnya melakukan pendustaan terhadap aku tidak sama seperti melakukan pendustaan ke atas orang lain. Maka barang siapa yang melakukan pendustaan ke atas aku dengan sengaja maka bersedialah tempat tinggalnya dalam api neraka.”

Berdusta dengan menyandarkannya kepada Nabi Muhammad SAW membawa mudarat yang besar kepada agama. Justeru, Nabi menegaskan bahawa dusta ke atas Baginda tidak sama dengan berdusta ke atas orang lain (Fallātah, 1981).

Makna berdusta atas Nabi Muhammad SAW juga merangkumi berdusta ke atas para sahabat dan tabiin. Apatah lagi dalam perkara yang tidak dapat dirasionalkan, iaitu sesuatu yang tidak diketahui melainkan melalui Allah SWT yang menurunkan syariat. Hal ini demikian kerana hadis yang datang daripada sahabat dan tabiin mendapat kedudukan tahap *marfū'* kepada Nabi Muhammad SAW seperti mana yang dinyatakan oleh para imam hadis (Ibn Ḥajar, 1933; al-Suyūfī, 1996). Begitu juga pandangan beberapa *fuqahā'* dipertimbangkan sebagai hujah dalam pembinaan hukum. Untuk itu, Abu Shuhbah (2003) tidak bersetuju dengan golongan yang mengatakan bahawa orang yang melakukan pendustaan adalah kufur. Sebaliknya beliau menyatakan apa yang dimaksudkan oleh Imam al-Juwaynī adalah melakukan pendustaan kepada Nabi Muhammad SAW.

Majoriti ulama telah sepakat menyatakan tidak harus beramal dengan hadis amat lemah (*da'if jiddan*) yang tidak disokong serta tidak dapat dihilangkan *ke* *da'if*annya. Ketentuan ini menjadi petunjuk bahawa hadis yang lebih rendah tarafnya seperti hadis palsu tidak dibenarkan beramal dengannya. Zaid ibn Aslam (w. 136 H.) suatu ketika menyatakan; “*Sesiapa yang beramal dengan khabar yang jelas kedustaannya maka dia termasuk berkhidmat kepada syaitan.*” (al-Maqḍīsī, 1903)

Sehubungan dengan itu, setiap sesuatu yang tidak mempunyai asas dan prinsip yang benar akan memberi kesan buruk kepada masyarakat jika menjadi pegangan. Begitu juga hadis palsu sekiranya masyarakat menerimanya sebagai ajaran dan kepercayaan (Usman, Yama, Amin, Ibrahim, & Mutalib, 2018). Implikasi atau kesan penerimaan hadis palsu ini diboleh ditinjau dari pelbagai aspek, antaranya;

i. Akidah

Menerima serta beramal dengan hadis palsu yang berhubung dengan akidah boleh membawa seseorang kepada tersasar keyakinan akidahnya. Hal ini demikian kerana persoalan akidah adalah perkara utama dalam mencorakkan perjalanan hidup seseorang Muslim. Tanpa sumber akidah yang benar dan sahih, maka segala amalannya akan menjadi sia-sia sahaja. Untuk itu sebahagian ulama berpandangan bahawa hanya hadis *mutawātir* sahaja yang dibenarkan menjadi hujah dalam persoalan akidah. Ini bermakna hadis bertaraf *aḥad* meskipun sahih menurut pendapat ini tidak boleh dijadikan hujah dalam hal ehwal akidah. Apatah lagi seandainya hadis tersebut bertaraf *da'if* atau *mawḍū'*, maka sudah tentu boleh menjejaskan akidah seseorang. Di samping itu, menerima serta beramal dengan hadis palsu sekali gus menafikan kewibawaan Rasulullah SAW terutamanya dari segi amanah dan kebijaksanaan Baginda SAW sehingga memungkinkan adanya hadis yang tertinggal atau tidak sempat disampaikan oleh Baginda SAW. Misalnya hadis yang merosakkan akidah masyarakat berkaitan turunnya Allah SWT ke bumi dan bertahta di atas seekor unta, dinilai oleh Ibn 'Asākir (499-571 H.) sebagai palsu (Ibn 'Asākir, 1995):

رَأَيْتُ رَبِّي بِمَيِّ عِنْدَ النَّفْرِ عَلَى جَمَلٍ أَوْرَقَ عَلَيْهِ جُبَّةٌ صُوفٌ أَمَامَ النَّاسِ

Maksudnya:

“*Aku melihat Tuhanku di Mina di hadapan manusia pada hari nafar di atas unta yang berwarna kelabu dan di atasnya terdapat jubah yang dibuat dari bulu.*”

Dengan tersebarnya hadis palsu seperti ini dalam bahan rujukan syariat Islam tanpa sebarang penjelasan atau pengawasan yang lebih ketat, sudah tentu akan mencemarkan kemurnian akidah Islam. Kewujudan “makhluq asing” seperti ini kemungkinan tidak semua yang dapat mengesan atau merasai kehadirannya kecuali kepada mereka yang benar-benar pakar dalam hal ini sahaja. Perkara ini jika dibiarkan berlaku akan memporak-porandakan keadaan terutama sekali kepada golongan masyarakat awam (Othman, 1998).

ii. Ibadah

Lantaran persoalan ibadah mesti mempunyai sumber yang sama seperti persoalan akidah, maka ianya merupakan persoalan *tawqīfīyah*, iaitu yang bersumberkan wahyu dari al-Quran dan Hadis. Berkaitan perkara ibadah ini, Rasulullah SAW telah memberi peringatan dan amaran bahawa setiap amalan yang tidak bersumberkan dan menyamai sunnah Baginda secara langsung tertolak dan batal;

عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَنْ أَحَدَثَ فِي أَمْرِنَا هَذَا مَا لَيْسَ مِنْهُ فَهُوَ رَدٌّ.

[Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-Aqḍah, Bāb Naqd al-Aḥkām al-Bāṭilah wa Rad Muḥdathāt al-Umūr*, No. Hadis. 1718]

Maksudnya:

“*Daripada 'Aishah RA telah berkata: “Rasulullah SAW telah bersabda: “Sesiapa yang mengada-ngada dalam urusan kami (urusan agama) yang bukan darinya, maka ia dengan sendirinya tertolak.*”

Berdasarkan hadis ini serta beberapa hadis yang memberi amaran tentang pendustaan ke atas Nabi SAW maka para sahabat dan generasi selepasnya sangat teliti dan berhati-hati dalam melakukan sesuatu ibadat. Antara lain, antara hadis palsu yang masyhur dalam masyarakat Melayu di Malaysia;

مَنْ تَكَلَّمَ بِكَلَامِ الدُّنْيَا فِي الْمَسَاجِدِ ، أَوْ فِي الْمَسْجِدِ ، أَحْبَطَ اللَّهُ تَعَالَى أَعْمَالَهُ أَرْبَعِينَ سَنَةً.

[al-Ṣaghānī, 1985]

Maksudnya:

“Sesiapa yang bercakap mengenai urusan dunia di masjid, maka sia-sialah amalannya selama empat puluh tahun.”

Hadis di atas dan berkaitan bukan sahaja mensabitkan sesuatu amalan yang tidak berasal dari Rasulullah SAW, malah memberikan tanggapan dan gambaran buruk kepada ajaran Islam itu sendiri. Lebih malang lagi apabila umat Islam lebih mengutamakan amalan sunat daripada amalan wajib lantaran tertipu dengan ganjaran pahala yang palsu.

iii. Akhlak

Selain memberikan implikasi negatif kepada akidah dan ibadah seorang Muslim, hadis palsu juga turut memberikan kesan buruk kepada akhlak dan sikap seorang Muslim. Lebih buruk lagi apabila memberikan gambaran bahawa berdusta adalah harus sekiranya untuk kebaikan. Misalnya hadis palsu berkaitan pembohongan;

إِذَا حَدَّثْتُمْ عَنِّي بِحَدِيثٍ يُوَافِقُ الْحَقَّ فَخُذُوا بِهِ حَدِّثْ بِهِ أَوْ لَمْ أَحَدِّثْ

[Ibn al-Jawzī, 1966]

Maksudnya:

“Apabila kamu meriwayatkan daripada aku sesebuah hadis yang menepati kebenaran, maka terima dan ambillah ia sama ada aku mengatakannya atau tidak.”

Kesan dari hadis palsu ini akan mewujudkan golongan atau kumpulan oportunist dengan mengambil kesempatan peluang di atas keharusan berbohong biarpun dengan niat yang baik. Ini termasuklah mencipta apa saja yang dianggap dapat memberikan keuntungan peribadi mahupun kepada kumpulannya seperti mencaci, mencela, memaki hamun kepada musuh mereka, sehingga membenarkan pembunuhan (Abdul Rahman, 2006). Situasi ini sudah tentu mencemarkan kesucian ajaran Islam, sekali gus merendahkan kualiti umat Islam itu sendiri.

iv. Imej Agama

Implikasi negatif terhadap agama adalah kemuncak kepada kelahiran dan penyebaran hadis-hadis palsu. Realiti yang perlu disedari tentang hadis palsu adalah ia memberikan gambaran buruk kepada agama Islam itu sendiri seolah-olah Islam adalah suatu agama yang tidak sejajar ajarannya, bercelaru, penuh dengan perkara tahyul, mistik, khayalan, khurafat, bid'ah dan bertentangan dengan rasional akal. Hadis-hadis palsu adalah hasil ciptaan dan rekaan manusia dan mereka yang telah rosak pegangan akidah dan akhlak mereka, ataupun masih dalam kejahilan. Bahkan ia memberi impak negatif kepada peranan dan tugas Nabi Muhammad SAW sebagai sumber utama ajaran Islam.

Jika peranan dan kredibiliti Nabi Muhammad SAW dipertikai dan diperlecehkan, maka tiada apa lagi yang tinggal pada agama Islam, sekali gus kemenangan pemikiran buat musuh-musuh Islam. Dari sudut masyarakat Islam pula, ia memberikan satu perspektif bahawa umat Islam adalah golongan yang mudah terpengaruh dengan unsur-unsur khurafat, bid'ah dan tidak rasional. Ini sekali gus meletakkan kedudukan umat Islam dalam perhatian global begitu rendah dan mudah dipermainkan. Justeru, kerjasama dan kebersamaan masyarakat dan pemimpin amat diperlukan dalam membendung penularan hadis-hadis palsu ini dari terus meracuni pemikiran dan sikap masyarakat.



Sehubungan dengan itu, pada 31 Oktober 2016, Kementerian Dalam Negeri (KDN) mengumumkan penubuhan Jawatankuasa Penyemakan dan Penilaian Hadis (Lajnah Tahqiq Hadis) sebagai pusat rujukan hadis (Ariffin & Ahmad, 2016). Jawatankuasa yang disertai tujuh orang ahli akademik dengan kepakaran khusus dalam ilmu hadis diketuai Allahyarham Prof. Dr. Abdul Hayei Abdul Sukor bakal menjadi rujukan dalam menentukan taraf dan kesahihan sesuatu hadis seterusnya memartabatkan sumber hukum kedua selepas al-Qur'an (Bernama.com, 2016). Jawatankuasa tersebut juga memberi perhatian terhadap pentafsiran atau syarahan hadis sahih yang ditafsir dan diolah mengikut pemahaman salah. Bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata; “*Penubuhan jawatankuasa itu turut bertujuan menyediakan pandu arah mengekang penyebaran hadis palsu oleh kumpulan tertentu kepada masyarakat. Penyebaran hadis palsu dalam masyarakat jika tidak dibendung akan memberi kesan buruk kepada kesucian agama, penyelewengan akidah, menjejaskan keharmonian, ketenteraman awam dan perpaduan negara. Dalam masa yang sama, masyarakat perlu dididik supaya merujuk kitab-kitab ulasan hadis muhtabar atau merujuk kepada mereka yang pakar supaya pemahaman terhadap hadis adalah tepat.*” (Berita Harian Online, 2016).

7. Kesimpulan

Aktiviti penerbitan dan percetakan bergenre Islamik di Malaysia merupakan suatu usaha gerak kerja yang baik. Namun, memuatkan secara sengaja hadis-hadis yang palsu (*mawḍūʿ*) dan amat daif (*daʿif jiddan*) dalam buku-buku agama bacaan awam adalah suatu tindakan yang amat tidak bertanggungjawab. Perbuatan ini bukan sahaja menjejaskan kemurnian akidah, ibadat dan akhlak umat Islam, malah meruntuhkan imej umat Islam pada pandangan golongan non-Muslim. Para agamawan, sarjana dan pemimpin Muslim sewajarnya lebih peka dan prihatin dalam perkara ini kerana mereka bertanggungjawab melaksanakan serta menguatkuasakan undang-undang tegas terhadap penyebaran hadis palsu. Rujukan, semakan dan penggunaan sesuatu ungkapan yang disandarkan kepada hadis Nabi Muhammad SAW dalam penerbitan di Malaysia perlu diteliti serta dipastikan sumbernya bagi menjamin ketulenan maklumat, seterusnya memelihara masyarakat Islam daripada termasuk dalam golongan yang diancam dengan azab neraka.

Rujukan

- ‘Abd al-‘Azīm, S. (t.th). *Manhaj Shaikh al-Islām Ibn Taimiyyah al-Tajdīdī al-Salaḥī wa Daʿwatu al-Islāhiyyah*. Iskandariyah: Dār al-Īmān.
- ‘Abdullah, A. R. F. (2012). *Kitab Muhimmah*. Petaling Jaya: Hijjaz Records Publishing.
- Abdul Rahman, M. M. (2006). Penyebaran Hadis Mawḍūʿ dan Implikasinya kepada Masyarakat. Dlm. H. Hussin et al. (Pnyt.). *Kelangsungan Pengajian Hadis: Cabaran dan Masa Depan*. Selangor: KUIS.
- Abdullah, A., & Mohamed, M. (2017). Kajian terhadap penggunaan al-Quran dan al-hadith dalam penulisan buku-buku motivasi dan kesannya kepada masyarakat Islam di Malaysia. *AL-BASIRAH Journal*, 4(1).
- Abdullah, H. (2005) *Takhrij Hadis Kitab al-Jawhar al-Mawhub wa Munabbihat al-Qulub Karangan al-Shaykh Ali Ibn Abd al-Rahman al-Kelantani*, Tesis Ph.D. Fakulti Pengajian Islam, Universiti kebangsaan Malaysia.
- Abdul-Raof, H. (2013). *Schools of Qur’anic exegesis: Genesis and Development*. United Kingdom, UK: Routledge.
- Abū Shuhbah, M. (1988). *Al-Isrāʿiliyyāt wa al-Mawḍūʿāt fī Kutub al-Tafsīr*. Kaherah: Maktabah al-Sunnah.
- Abū Shuhbah, M. (2003). *Al-Waḍʿ fī al-Hadīth wa Rad Subḥah al-Mustashriqīn wa Ghayruhum min al-Bāḥithīn*. Kaherah: Maktabah al-‘Ilm.
- Ahmad, K. (2008). *Sumbangan Syeikh ‘Abd Al-Samad Al-Falimbani dalam bidang Hadith: Analisis metodologi penyusunan dan takhrij Hadith dalam Kitab Hidayah al-Salikin*. (Doctoral dissertation, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Ahmad, K., Suliaman, I., Ahmad Shah, F., & Mohd Rokhibi, I. A. (2019). Kriteria Utama dalam Pembangunan Laman Web Berkaitan Hadith: Satu Analisis dan Cadangan. *Journal of Ma alim Al-Qur an Wa Al-Sunnah*, 15(2), 28-53. <https://jmqqs.usim.edu.my/index.php/jmqqs/article/view/176>.
- al-Ajlūnī, I. M. (1980). *Kashf al-Khafāʿ wa Muzil al-Ilbās ‘Ammā Ishtahara min al-Aḥādīth ‘alā Alsinah al-Nās*. Beirut: Muʿassasah al-Risālah.
- al-Dhababī, M. A. U. (1963). *Talkhīṣ Kitāb al-Mawḍūʿāt li Ibn al-Jawzī*. Riyadh: Maktabah al-Rushd.
- al-Fayrūz Ābādī, M. M. Y. (1935). *Al-Qāmūs al-Muḥīṭ*. Jil. 3. Mesir: al-Maṭbaʿah al-Miṣriyyah.
- al-Ghazālī, A. H. (t.th.). *Iḥyāʿ ‘Ulūm al-Dīn*. Beirut: Dār al-Maʿrifah.



- al-Ḥaddād, M. M. (1987). *Takhrīj Aḥādīth Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn li al-'Irāqī wa Ibn al-Subkī wa al-Zabīdī*. Riyadh: Dār al-'Āshimah.
- al-Ḥākīm, A. A. (1990). *Al-Mustadrak 'Alā al-Ṣaḥīḥayn*. Kaherah: Dār al-Salām.
- al-Khaṭīb al-Baghdādī, A. (2001). *Tārīkh Madīnah al-Salām*. Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī.
- al-Khaṭīb, M. A. (1998). *Uṣūl al-Hadīth: 'Ulūmuh wa Muṣṭalahuh*. Beirut: Dār al-Fikr.
- al-Maqḍīsī, M. T. (1903). *Tadhkirat al-Mawḍū'āt*. Mesir: Maṭba'ah al-Sa'ādah.
- al-Naisabūrī, A. H. M. (2000). *Muqaddimah Ṣaḥīḥ Muslim*. Bab *Wujūb al-riwāyāt 'an al-thiqāt wa tark al-kadhḥabīn*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Nawawī, M. Y. S. (2008). *al-Minhāj bi Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim ibn al-Ḥajjāj*. Beirut: Dār al-Ma'rifah.
- al-Ṣaghānī, H. M. (1985). *Mawḍū'āt*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Sakhāwī, M. A. (1968). *Faṭḥ al-Mughīth Sharḥh Alfīyah al-Ḥadīth*. Jil. 1. Kaherah: Maṭba'ah al-Qāhirah.
- al-Ṣalāḥ, U. A. (1966). *'Ulūm al-Hadīth*. Ḥalb: Maṭba'ah al-Aṣīl.
- al-Shawkānī, M. A. (1995). *Al-Fawā'id al-Majmū'ah fī al-Aḥādīth al-Mawḍū'ah*. Beirut: Dār Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Suyūṭī, J. A. (1996). *Tadrīb al-Rāwī fī Sharḥ Taqrīb al-Nawawī*. Beirut: Dār Ibn Ḥazm.
- Amran, M., Sakat, A., & Majid, L. (2015). Analisis Hadis Mawdu' Dalam Novel Perempuan Nan Bercinta Karya Faizal Tehrani. *Al-Hikmah*, 7(2), 40-54. <https://spaj.ukm.my/jalhikmah/index.php/jalhikmah/article/view/161>.
- Ariffin, M. F. M., & Ahmad, K. (2016). Fabricated hadith: unraveling contradiction between society and scholar towards mutual agreement. *Jurnal Intelek*, 11(1), 31-39. <https://jurnalintelek.uitm.edu.my/index.php/main/article/view/131>.
- Baru, R. (2006). Perkembangan Ilmu Hadis di Negeri Terengganu Darul Iman. *Jurnal Usuluddin*, 23, 91-116. <https://ijie.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/4244>.
- Berg, H. (2013). *The Development of Exegesis in Early Islam: The Authenticity of Muslim Literature from the Formative Period*. United Kingdom, UK: Routledge.
- Dakir, J. (2014). *Keberadaan al-Mawdu' Dalam Masyarakat Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Dakir, J. (2017). Takhrij Hadis-Hadis Masyhur dalam Masyarakat Melayu di Malaysia: Usaha ke Arah Membersih dan Memartabatkan Al-Sunnah. *Al-Fikr*, 20(1), 121-146.
- Dakir, J., Ibrahim, M., & Shah, F. A. (2009). Hadith Masyhur dalam Masyarakat Melayu: Takhrij dan Analisis. *Jurnal Usuluddin*, 29, 119-146. <https://jupidi.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/7305>.
- Deraman, F. (1998). Karya-karya hadith dalam tulisan jawi. *Jurnal Usuluddin*, 7(7), 163-174.
- Fallātah, U. H. U. (1981). *al-Waḍ' fī al-Ḥadīth*. Damsyik: Maktabah al-Ghazālī.
- Fāris, A. H. A. (2008). *Mu'jam Maqāyis al-Lughah*. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī.
- Hakak, S., Kamsin, A., Zada Khan, W., Zakari, A., Imran, M., Ahmad, K., & Amin Gilkar, G. (2020). Digital Hadith authentication: Recent advances, open challenges, and future directions. *Transactions on Emerging Telecommunications Technologies*, e3977. <https://doi.org/10.1002/ett.3977>.
- Ibn 'Arrāq al-Kannānī, A. H. M. (1981). *Tanzīh al-Sharī'ah al-Marfū'ah 'an al-Akḥbār al-Shanī'ah al-Mawḍū'ah*, j. 1. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn 'Asākir, A. Q. (1995). *Tārīkh Madīnah Dimashq*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Ibn al-Jawzī, A. A. (1966). *Al-Mawḍū'āt*. Beirut: al-Maktabah al-Sāghiyah.
- Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, A. A. (1933). *Nuzhat al-Nazar fī Sharḥ Nukḥbat al-Fikr*. Mesir: Maṭba'at Muṣṭafā Muḥammad.
- Ibrahim, N. K., Samsuri, S., Seman, M. S., Ali, A. E., & Kartiwi, M. (2016). Frameworks for a Computational Isnad Authentication and Mechanism Development. Dlm. *Information and Communication Technology for The Muslim World (ICT4M), 2016 6th International Conference on* (pp. 154-159). IEEE.
- Itam, C. N. (2010). *Implikasi Teknologi Maklumat terhadap Perkembangan Ilmu Hadith*. (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Kirin, A. B., & Wan Zahari, W. A. (2021). Hadith Writing Methodology in the Book of Ta'lim Al-Mutaalim By Shaykh Al-Zarnuji. Dlm. *ICIS 2020, 27-28 October 2020, Ponorogo, Indonesia*. <https://doi.org/10.4108/eai.27-10-2020.2304161>.
- Mohd. Fadzil, M. F. (2014). *Hadith-Hadith munakahat dalam Kitab Jawi: Takhrij dan analisis kitab Muhimmah dan Jam' Al-Fawa'id wa Jawahir Al-Qala'id*. (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Mohd Senin, M. S. (2020). Hadith palsu di Malaysia: tinjauan perkembangan dan keberadaannya di dalam kitab-kitab jawi silam dan buku-buku agama terpilih. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 6(2). <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/42981/1/42981.pdf>.



Published biannually by:
HADITH AND AQIDAH RESEARCH INSTITUTE (INHAD),
Selangor International Islamic University College (KUIS)
Email: jurnalhadis@kuis.edu.my
Web: www.journal.kuis.edu.my/hadis/
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.
Tel: 03-8911 7000 Ext: 6129/6130, Fax: 03-8926 6279
Vol. 12, No. 23 (JUNE 2022)

- Muslim, A. H. (t.th.). *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ*. Jil. 1. Beirut: Dār al-Jīl.
- Nawae, I. (2011). *Hadith-Hadith dalam Bughyah al-Tullab karangan Sheikh Daud al-Fatani (Juzuk 1): Takhrij dan analisis*. (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Othman, M. R. (1998). Bahaya Hadith Maudhu' dan Kesan Mengamalkannya. Dlm. *Mengenal Hadith Maudhu'*. Kuala Lumpur: JAKIM.
- Sagir, A. (2015). Hadis-hadis dalam Kitab Hidāyah Al-sālikīn (Kajian Sanad dan Matn). *Jurnal Studi Ilmu-ilmu Al-Qur'an dan Hadis*, 16(1), 35-64. <http://ejournal.uin-suka.ac.id/ushuluddin/alquran/article/viewFile/1601-03/1107>.
- Shah, F. A. (2016). Penyebaran Hadith Palsu dalam Media Massa dan Media Sosial: Realiti dan Cabaran. *HADIS*, 6(11), 9-27.
- Suliaman, I. (2012). Studi Kritik Matan dalam Kajian Hadis Kontemporer di Malaysia. *Journal Analytica Islamica*, 1(1), 1-31. <http://jurnal.uinsu.ac.id/index.php/analytica/article/view/370>.
- Usman, A. H., Yama, P., Amin, M. F. M., Ibrahim, K. M., & Mutalib, M. F. M. A. (2018). Revisiting the Hazard of Fabricated Hadith. *Advanced Science Letters*, 24(4), 2458-2461. <https://doi.org/10.1166/asl.2018.10980>.
- Usman, A. H., & Wazir, R. (2018). The fabricated hadith: Islamic ethics and guidelines of hadith dispersion in social media. *Turkish Online Journal Of Design Art And Communication*, 8, 804-808. <https://pdfs.semanticscholar.org/8f67/b3e3fbb4dbcec88e2afd2030e4f62dadb8d2.pdf>.
- Van Bruinessen, M. (1994). Pesantren and Kitab Kuning: Continuity and Change in a Tradition of Religious Learning. Dlm. W. Marschall (ed.). *Texts From The Islands: Oral and Written Traditions of Indonesia and The Malay World*. Proceedings of the 7th European Colloquium on Indonesian and Malay Studies.
- Zainal Abidin, H. (2014). *Penulisan Hadith dalam Karya Terjemahan: Kajian terhadap Terjemahan Hadith dalam Kitab Fath Al-Muin* (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Zarif, M. M. (2011). *Hadis-Hadis Palsu dalam Mustadrak al-Hakim*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.